

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Petir dikatakan telah membuka rahsia wang sebanyak \$500,000 yang diterima oleh tuan Chew Swee Kee, bekas Menteri Pelajaran Singapura yang dikatakan minta dikecualikan dari cukai pendapatan kerana wang itu, datangnya dari luar sebagai “bantuan siyasah”. Perkara ini akhirnya ada ekornya pula iaitu bagaimana “perkara rahsia” jabatan “cukai pendapatan” telah boleh bocor atau dibocorkan. Kalau satu perkara boleh bocor maka tentunya lain-lain perkara boleh pula bocor di jabatan itu dan kerana itu maka “perkara yang dirahsiakan” untuk pejabat itu harus tidak lagi boleh diselamatkan sebab kalau sudah pernah bocor kepercayaan orang kepadanya sudah tidak berapa lagi. Sebab ini penyiasatan yang terbuka dalam perkara ini mustahak diadakan supaya kepercayaan orang ramai pulih semula, dan orang-orang yang berkenaan yang membocorkan rahsia itu harus pula menerima hukuman – jangan-jangan orang-orang yang berkenaan telah menerima sesuatu yang berfaedah bagi dirinya.

* * *

Perkara wang hasil loteri masyarakat telah menjadi perbincangan yang panjang di dalam lingkungan orang-orang Islam: Ada yang mengharamkan dan ada yang meluluskan untuk digunakan kerana kebajikan agama. Kerana dua pendapat ini maka orang-orang awam sekali lagi duduk di tengah-tengah di dalam sesuatu perkara yang tidak tentu ke mana ditujukannya perkara ini.

Untuk ini maka molek bagi kita bersama memikirkan benar-benar perkara ini supaya jangan pula terbit

perkara tuduh menuduh di dalam lingkungan kita bersama.

Dalam perkara ini – umumnya orang-orang kita sekata-kata dengan berpandu kepada dalil yang kuat, bahawa mengadakan loteri haram, memilih loteri haram. Dengan ini sudah tentu, kalau satu-satu pertubuhan Islam mengadakannya teranglah haramnya tetapi mengenai loteri masyarakat, mau tidak mau, telah dijalankan oleh kerajaan – ertinya dengan anjuran kerajaan dengan tujuan hasil daripada loteri itu dibahagiakan kepada am maka timbullah suatu soal jika pertubuhan-pertubuhan Islam tidak memintanya, ertinya orang lain yang lebih beruntung. Kalau orang lain beruntung ertinya orang lain lebih kuat daripada kita dan kerana itulah daripada ia keluar daripada tangan kita maka moleklah hasilnya, yang dijalankan dengan kuat kuasa kerajaan, kita ambil untuk membina kedudukan kita daripada ia terlepas atau digunakan oleh orang lain.

Hanya sanya dalam perkara ini mustahak ditimbang dengan saksama ke mana wang itu digunakan. Ada pendapat-pendapat tidak sekali berkenan sekiranya wang ini digunakan untuk membina masjid walaupun ada alasan-alasan membenarkannya umpamanya datangnya dari badan anjuran kerajaan kerana kerajaan seperti sekarang tidak terelok daripada mengambil cukai barang-barang yang diharamkan agama seperti arak. Dalam hal ini loteri ini, ada sedikit lainnya iaitu ia diambil daripada barang yang tertentu sedang hasil mahsul kerajaan daripada hasil yang bercampur kerana itu banyak orang tidak keberatan mengambil hasil daripada loteri “yang dijalankan” oleh kerajaan untuk “membina

masyarakat” untuk membantu masyarakat dikecualikan membuat masjid; sedang kalau kita tidak mengambilnya maka orang lain mendapatnya, Kalau mau membantah maka suarakan supaya loteri masyarakat itu diharamkan tetapi jangan dibabit-babitkan kepada lain.

* * *

Sungutan daripada orang luar telah banyak mengatakan bahawa kain-kain murah dari negeri China adalah merosakkan perusahaan-perusahaan lain bangsa. Ini benar tetapi ada sebahagian ramai orang, terutamanya pembeli-pembeli lebih suka kain murah sebab tenaga pembeli mereka telah kurang dan walau bagaimana pun apa jua yang murah itulah yang dihajat mereka. Hal ini dipandang serba salah.

* * *

Dengan adanya keputusan-keputusan kejayaan dalam Senior Cambridge School Certificate. Maka ertinya bertambah banyak lagi pemuda pemudi yang baharu mencari tempat kerja - ertinya tambahan lagi kepada orang-orang yang tidak bekerja sedang ikhtiar-ikhtiar untuk penampungan tidak ada diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Tempat-tempat perusahaan, terutamanya perusahaan-perusahaan kecil tidak mau menerima bebanan yang diperundang-undangkan. Akhirnya pemuda-pemuda seperti ini, kalau terbiar begitu sahaja ertinya menjadi “kutu embun” bertempiran ke sana sini – akhirnya kelak termasuk ke dalam pergaulan-pergaulan yang tidak baik dan menjalankan usaha-usaha yang jahat – lalu menjadi orang-orang jahat yang merosakkan keamanan negeri. Hal ini mustahak benar diperhatikan - terutamanya oleh pemimpin-pemimpin yang diminta dipilih mewakili rakyat sebab ertinya memperundang-undangkan sesuatu memberatkan perusahaan bermakna membunuh rakyat sendiri kerana perusahaan terpaksa menjalankan

usaha-usahanya sekadar terupaya sahaja disebabkan terdesak oleh peraturan-peraturan yang diundang-undangkan.

* * *

Singapura sebenarnya hidupnya adalah di dalam kerjasama rapat di antara perusahaan-perusahaan dengan pekerja-pekerja bergantung kepada melebihi kemahuan pekerja-pekerja sahaja ertinya membunuh diri kerana terbukti seperti sekarang apabila perusahaan-perusahaan terdesak dengan peraturan-peraturan yang melebihi buruh maka perusahaan-perusahaan terpaksa mengecilkan usahanya – ertinya membuang kakitangannya. Kerana itu kerjasama di antara kedua-dua pihak adalah sangat mustahak, ahli-ahli perusahaan-perusahaan kalau masa bekerja suntuk sudah tentu tidak berupaya mendapat hasil yang berfaedah dan tidak dapat berlawan dengan perusahaan-perusahaan luar. Harga barang luar lebih murah daripada barang negeri sendiri sebabnya ialah kerana jam-jam bekerja yang diperundang-undangkan mengikat usaha-usaha membuat barang murah. Jika Hong Kong orang bekerja 60 jam seminggu – di Jepun 55 jam seminggu, maka di Singapura hanya 44 jam seminggu itu pun jika diperhatikan caranya bekerja mereka hanya menunaikan kerja tidak lebih daripada 36 jam sahaja seminggu. Dengan adanya peraturan ini di manakah akan ada kemakmuran negeri. Tuan R Jumabhoy patut memperhatikan hal ini!.

* * *

Pukul, rompak samun, pergaduhan beramai-ramai di antara geng dengan geng dan serangan-serangan kepada polis sekarang bukannya menjadi suatu berita yang jarang berlaku tetapi boleh dikata menjadi berita hari-hari. Kalau sudah begini dan jika terus-menerus begitu

Sambungan pada muka 45

sambungan dari muka 8

tentunya semakin ganas dan kekacauan bukannya semakin kurang tetapi semakin hari semakin menjadi. Ini ertinya keamanan dan keselamatan rakyat semakin hari semakin tidak terjamin. Siapa yang disalahkan dalam hal ini? Polis yang menjaga keamanan? Mereka tidak boleh disalahkan kerana kekuasaan mereka terhad. Yang patut disalahkan ialah kerajaan sendiri kerana ia tidak tegas di dalam perdirian menghapuskan kekacauan. Mereka terlampau lembut kepada penjahat-penjahat kerana itu penjahat-penjahat makin bermaharajalela. Untuk menghapuskan ini mestilah menggunakan tangan besi jangan main pujuk-pujuk kerana terpaksa melembutkan gigi dari lidah disebabkan mencari kedudukan.

* * *

Tunku Abdul Rahman, tatkala menuduh ketua-ketua PAS menggunakan agama sebagai topeng perjuangannya, dikatakan mencabar Pas untuk menunjukkan negeri mana di dunia ini yang dapat mengamalkan pemerintahan Islam yang sebenar-benarnya yang seperti dikehendaki oleh PAS. Tunku terus menyatakan bahawa di negeri-negeri Arab pun tidak mengamalkan pemerintahan Islam melainkan demokrasi Parlimen. Memang betul apa yang dikatakan oleh Tunku ini sememangnya tidak ada pun sekarang, sesebuah negara yang menjalankan pertadbiran mengikut dasar kitab Allah di dalam semua hal. Tetapi dengan tidak adanya ini tidaklah bermakna bahawa kewajipan umat Islam jatuh daripada menunaikan kewajibannya daripada menyampaikan dan menegakkan hukum Tuhan selagi ada hayatnya dikandung badan kerana kalau umat Islam tidak menghukum dengan hukum-hukum Allah, dan tidak berusaha kepadanya, maka sudah terang hukumnya orang-orang itu zalim, fasik dan kufur. Jadi tanggungan

orang-orang Islam yang insaf akan kewajibannya ialah menegakkan hukum-hukum Tuhan – berjaya atau tidak – bukanlah soalnya, ada atau tidak sesuatu negeri sekarang menjalankan hukum Tuhan – tidaklah soalnya. Banyak orang-orang yang bukan Islam di negeri kita, bukan soalnya kerana di dalam Islam cukup ketentuan-ketentuan terhadap kepada mereka itu (orang-orang kafir). Simboliknya bagi Tunku, sebelum menuduh secara am kepada cita-cita umat Islam yang beriman kepada kitab Allah dan sunnah Rasulnya, mempelajari dengan mendalam terhadap kepada kewajipan tiap-tiap seorang Islam terhadap usahanya untuk menegakkan kalimah Tuhan dan hukum-hukum Tuhan!

* * *

Ada di antara kata-kata Tengku Abdul Rahman di dalam ucapannya itu yang lebih-lebih tidak menyenangkan perasaan umat Islam. Perkataan itu ialah mengenai orang-orang yang bukan Islam. Dikatakan telah mengingatkan orang-orang yang hendak berkuasa di negeri ini (selain Perikatan), supaya menyedari bahawa penduduk negeri ini adalah separuh beragama lain berbangsa lain. Sekiranya pemerintahan negeri ini dijalankan dengan tidak mengendahkan mereka itu tentulah di negeri ini akan bangkit huru-hara dan kacau bilau.

Tuduhan Tunku ini seolah-olah dihadapkan kepada agama Islam di dalam mana seolah-olah kalau negeri ini menjalankan hukum-hukum Islam, ringkasnya hukum-hukum Tuhan yang menjadikan sekalian alam dan isi-isinya, bahawa negeri ini akan jadi huru-hara – orang-orang Islam akan memenggal leher orang-orang kafir – kezaliman ini berlaku! Tuduhan seperti ini, terhadap kepada am Islam, sepatutnya tidak keluar daripada orang-orang Islam sendiri. Cara ini sangat-sangat didukacitakan. Ini adalah menunjukkan



Khemah-khemah kediaman orang Kazak – satu pemandangan pada musim sejuk.

bahawa Tengku sendiri tidak mengkaji *tawārīkh* dan sejarah Islam semenjak berkembangnya dan semenjak ia berkuasa dan sebab-sebab kejatuhannya. Hukum Tuhan mengatasi kepada tiap-tiap hukuman yang dibuat di dunia ini. Orang-orang kafir telah merasa sendiri kepada nikmat di bawah pemerintahan Islam yang sebenarnya. Cita-cita inilah yang menjadi cita-cita umat Islam – bukan sahaja yang berjuang di dalam parti siasah tetapi yang bekerja di luar daripadanya sama ada berseorangan atau pun berkawan-kawan untuk menyedarkan bahawa selagi hukum Tuhan tidak ditegakkan ertinya mereka disoal di hadapan Tuhan kelak terhadap kepada kewajipannya untuk menjalankan hukum-hukum Tuhan di atas muka bumi ini! Berjaya atau tidaknya bukan kewajipannya menentukan tetapi berikhtiar kepada-Nya adalah wajib.

* * *

Baharu-baharu ini, untuk menjadi peringatan kepada jasa polis sebuah batu peringatan telah didirikan

di ibu kota. Tujuan tidak lain adalah untuk tanda ingatan kepada ahli-ahli polis yang gugur di Persekutuan Tanah Melayu kerana mendirikan keamanan di tanah airnya. Ini satu tujuan yang baik tetapi ada pula pendapat lain yang memandang bahawa agama rasmi Persekutuan ialah agama Islam maka soal mengadakan batu peringatan itu, yang sekali-kali diadakan istiadat di atasnya dengan menghormati sebuah batu yang dibuat dan tafakur pula kelak sejenak di situ, menimbulkan suatu perkara lain iaitu adakah agama mengharuskan perbuatan itu. Adakah itu satu bid'ah *modern* atau pun suatu perkara menghormati kepada benda yang boleh disifatkan “persembahan *modern*” tidaklah dapat diketahui kerana itu perkara yang serupa ini berhajat kepada fatwa Mufti-mufti kerajaan – apa kata al-Sayyid Yusuf al-Zawawi di Terengganu? Dan apa kata Dato’ Syed ‘Alwi bin Tahir Al-Haddad Johor?